

**TERMA DAN SYARAT  
PROGRAM UJUKAN eCASA TAYLOR'S X CIMB**

1. Program Rujukan eCASA Taylor's x CIMB ("Kempen") dianjurkan bersama oleh Taylor's University Sdn. Bhd. [No. Pendaftaran: 199601009083 (381431-M)] ("Taylor's"), CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799] ("CIMB Bank") dan CIMB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran: 200401032872] ("CIMB Islamic"). CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic hendaklah dirujuk secara kolektif sebagai "CIMB".

**Tempoh Kempen**

2. Tempoh Kempen akan bermula pada 1 September 2025 jam 00:00 (Waktu GMT +8) dan tamat pada 28 Februari 2026 jam 23:59 (Waktu GMT +8), termasuk kedua-dua tarikh tersebut, melainkan jika dimaklumkan sebaliknya oleh CIMB ("Tempoh Kempen").
3. CIMB berhak menukar tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen dengan memberikan notis selama tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu.

**Kelayakan dan Kriteria Kelayakan**

4. Tertakluk pada Terma dan Syarat ini, Kempen ini terbuka kepada:
  - a. Semua individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas; dan
  - b. Pelajar, alumni dan kakitangan individu Taylor terpilih yang mempunyai mana-mana Akaun Semasa/-i, Akaun Simpanan/-i ("CASA/-i"), atau Akaun Pelaburan Harian Tanpa Had-i ("Akaun DURIAN-i") dengan CIMB ("Perujuk"); dan
  - c. Individu yang dirujuk oleh Perujuk menggunakan kod rujukan unik yang ditakrifkan dalam Klause 9b, dan tidak memiliki mana-mana CASA/-i atau Akaun DURIAN-i dengan CIMB sebelum Tempoh Kempen ("Dirujuk")

Individu-individu yang dinyatakan di atas secara kolektif dirujuk sebagai "**Peserta Layak**".

5. Kategori orang/entiti berikut adalah **TIDAK layak** untuk menyertai Kempen ini: -
  - a. Perusahaan kecil dan sederhana/pelanggan perbankan komersial dan korporat yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilik tunggal, perkongsian, syarikat tersenarai awam, syarikat persendirian berhad, organisasi amal/ organisasi bukan keuntungan /persatuan, kelab, koperasi dan perkongsian profesional; dan/atau
  - b. Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun; dan/atau
  - c. Kakitangan Kumpulan CIMB (termasuk anak syarikatnya dan syarikat berkaitan). "Kumpulan CIMB" merujuk kepada kumpulan syarikat/entiti undang-undang di mana CIMB Group Holdings Berhad, sebagai syarikat induk muktamad CIMB mempunyai kepentingan mengawal, secara langsung atau tidak langsung, sama ada dengan sendiri atau melalui anak syarikatnya; dan/atau
  - d. Pelanggan yang telah diisyiharkan muflis atau yang telah digulung atau selainnya yang mempunyai sebarang jenis prosiding kebankrapan atau penggulungan yang dimulakan terhadap mereka; dan/atau
  - e. Dirujuk yang merupakan pelanggan sedia ada CIMB CASA/-i dan Akaun DURIAN-i, termasuk pemegang akaun sekunder tanpa akaun utama (*Existing-to-Product*) ("ETP");
  - f. Pelanggan yang memohon Akaun Semasa/Simpanan/-i dan Akaun DURIAN-i melalui pengimbasan kod QR di cawangan.

- g. Pelanggan yang akaun CIMB CASA/-i dan CIMB DURIAN-i mereka ditamatkan, ditutup, digantung, dalam tunggakan atau tidak dikendalikan dengan baik seperti yang ditentukan oleh CIMB dalam Tempoh Kempen;
  - h. Dalam hal akaun bersama, hanya pemegang akaun utama layak menyertai Kempen (“**Pemegang Akaun Utama**”). Untuk tujuan Kempen ini, pemegang akaun bersama akan dianggap sebagai satu pemegang akaun.
6. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak mewakili dan mengesahkan bahawa dia tidak termasuk dalam kategori orang/entiti yang dikecualikan di Klausa 5 di atas.
7. CIMB berhak untuk meluluskan atau menolak maklumat yang dikemukakan di laman sesawang tanpa memberikan sebarang sebab.
8. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak bersetuju dengan pendedahan data peribadi oleh CIMB kepada Taylor dan sebaliknya untuk tujuan Pelaksanaan Kempen.

#### **Kelayakan Kriteria dan Ganjaran Kempen**

9. Untuk layak memperoleh Hadiah Berkenaan yang ditakrifkan dalam Klausa 9g di sini, Peserta Layak hendaklah memenuhi kriteria kelayakan berikut (“**Kriteria Kelayakan**”).
- a. Untuk menyertai Kempen ini, Perujuk boleh merujuk sebarang bilangan individu yang bukan pemegang akaun utama atau sekunder semasa untuk sebarang akaun CIMB CASA/-i dan/atau DURIAN-i. Untuk mengelakkan keraguan, Perujuk tidak boleh merujuk diri sendiri;
  - b. Kod rujukan yang akan dikongsi oleh Perujuk kepada Dirujuk mesti mengikuti format kod rujukan yang telah ditetapkan oleh CIMB:
    - I. Pelajar/Alumni Taylor's: **TU<ID Kad Pengenalan Pelajar>**; atau
    - II. Kakitangan Taylor's University: **TUS<ID Kakitangan>**; atau
    - III. Kakitangan Taylor's College: **TCS<ID Kakitangan>**
  - c. Dirujuk mesti memasukkan kod rujukan dalam ruangan “Ada kod rujukan?” pada borang permohonan dalam talian;
  - d. Dirujuk hendaklah berjaya membuka dan memenuhi deposit permulaan minimum ke salah satu daripada akaun berikut (“**Akaun Penyertaan**”) melalui borang permohonan dalam talian:
    - (a) Akaun AirAsia Savers
    - (b) Akaun Simpanan Asas memerlukan fi tahunan
    - (c) Akaun Simpanan Asas tanpa fi tahunan
    - (d) Akaun Simpanan Asas-i memerlukan fi tahunan
    - (e) Akaun Simpanan Asas-i tanpa fi tahunan Kriteria Kelayakan
    - (f) Akaun Pelaburan Harian Tanpa Had-i (DURIAN-i)
    - (g) Akaun Simpanan EcoSave-i
    - (h) Akaun Simpanan
    - (i) Akaun Semasa Asas
    - (j) Akaun Semasa Asas-i
    - (k) Akaun Semasa-i
    - (l) Akaun Prime
    - (m) Akaun Semasa Biasa
  - e. Dirujuk mesti berjaya mendaftar CIMB Clicks ID dan memuat turun Aplikasi CIMB OCTO;
  - f. Dengan menghantar kod rujukan, Perujuk bersetuju untuk bertanggungjawab penuh terhadap tindakan dirinya serta tindakan Dirujuk atau pihak ketiga yang meneruskan kod rujukan;

- g. Setelah memenuhi semua Kriteria Kelayakan yang ditetapkan dari Klausula 9a hingga Klausula 9e, Peserta Layak akan berhak menerima ganjaran berikut:

Peserta Layak	Ganjaran Kempen	Had Bulanan
Perujuk	RM30 untuk setiap rujukan berjaya dikreditkan ke dalam Akaun CIMB mereka	266
Dirujuk	RM30 dikreditkan ke dalam Akaun CIMB yang baru dibuka	266
Perujuk	Dua (2) pemenang Hadiah Utama dipilih berdasarkan dua (2) Perujuk teratas pada akhir Tempoh Kempen. RM500 untuk dikreditkan ke dalam Akaun CIMB pemenang Hadiah Utama.	Dihadkan pada 2 sepanjang Tempoh Kempen.

- h. Jadual di bawah menunjukkan contoh situasi untuk menentukan kelayakan peserta dalam kempen ini:

Senario	Ilustrasi	Kelayakan Ganjaran Kempen
A	1. Perujuk A berkongsi kod rujukan dengan Dirujuk A, yang bukan pelanggan sedia ada CIMB. 2. Dirujuk A menggunakan kod rujukan dan berjaya membuka akaun CIMB serta membuat deposit permulaan.	Perujuk A dan Dirujuk A layak menerima Ganjaran Kempen.
B	1. Perujuk B menghantar kod rujukan kepada Dirujuk B, yang bukan pelanggan sedia ada CIMB. 2. Dirujuk B membuka akaun CIMB dan membuat deposit permulaan tanpa menggunakan kod rujukan.	Perujuk B dan Dirujuk B tidak layak menerima Ganjaran Kempen.
C	1. Perujuk C menghantar kod rujukan kepada Dirujuk C, yang merupakan pelanggan ETP. 2. Dirujuk C menggunakan kod rujukan dan berjaya membuka akaun CIMB kedua serta membuat deposit permulaan.	Perujuk C dan Dirujuk C tidak layak menerima Ganjaran Kempen.
D	1. Perujuk D menghantar kod rujukan kepada: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dirujuk D: pelanggan baharu CIMB</li> <li>• Dirujuk E: pelanggan baharu CIMB</li> <li>• Dirujuk F: pelanggan ETP</li> </ul> 2. Hanya Dirujuk D dan F menggunakan kod rujukan serta berjaya membuka akaun CIMB dan membuat deposit permulaan.	Perujuk D layak untuk 1 rujukan berjaya dan menerima Ganjaran Kempen bersama Dirujuk D.
E	1. Perujuk E menghantar kod rujukan kepada Dirujuk E, yang merupakan pelanggan baharu CIMB. 2. Dirujuk E menggunakan kod rujukan dan berjaya membuka akaun CIMB tetapi tidak membuat deposit permulaan.	Perujuk E dan Dirujuk E tidak layak menerima Ganjaran Kempen.

- h. Peserta Layak juga hendaklah mematuhi terma dan syarat semasa yang mengawal produk berikut semasa menyertai Kempen ini (mana-mana yang berkenaan):-

- CIMB Clicks;
  - Aplikasi CIMB OCTO;
  - CASA/-i CIMB;
  - CIMB Online Fully Account Opening
- (disebut secara kolektif sebagai "**Terma Dan Syarat Semasa**").
- CASA/-i CIMB dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.
  - Akaun DURIAN-i CIMB tidak dilindungi oleh PIDM.

## Pemenuhan Kempen

10. CIMB berhak untuk menamatkan atau melanjutkan Kempen setelah had ganjaran dicapai dengan kelulusan pengurusan. Ganjaran akan diberikan berdasarkan siapa cepat, dia dapat dalam Tempoh Kempen.
11. Bulan Kempen ditakrifkan seperti berikut:
  - a. Bulan Kempen 1: 1 September 2025 – 30 September 2025
  - b. Bulan Kempen 2: 1 Oktober 2025 – 31 Oktober 2025
  - c. Bulan Kempen 3: 1 November 2025 – 30 November 2025
  - d. Bulan Kempen 4: 1 Disember 2025 – 31 Disember 2025
  - e. Bulan Kempen 5: 1 Januari 2025 – 31 Januari 2026
  - f. Bulan Kempen 6: 1 Februari 2026 – 28 Februari 2026
12. CIMB akan memberitahu pemenang Ganjaran (“**Pemenang**”) melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) atau kaedah lain yang dipilih atas budi bicara CIMB selepas Ganjaran dikreditkan ke akaun penyertaan Pemenang dalam tempoh berikut:
  - a. Bulan Kempen 1-6: Dalam tempoh 90 hari bekerja selepas 28 Februari 2026 (“**Pelaksanaan Kempen**”).
13. Pemenang bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa nombor telefon bimbit dan/atau alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyuratnya (“**Maklumat Perhubungan**”) yang diberikan kepada CIMB adalah terkini dan dikemaskinikan.
14. CIMB berhak melucutkan hak Pemenang untuk menerima Hadiah Berkenaan itu jika Maklumat Perhubungan Pemenang yang dikekalkan dalam rekod CIMB adalah tidak sah dan/atau tidak dikemaskinikan.
15. CIMB berhak untuk membatalkan kelayakan Peserta Layak yang gagal memenuhi Terma dan Syarat Lazim CIMB dan/atau yang telah menyerahkan data yang tidak lengkap atau tidak tepat, tanpa notis terlebih dahulu.
16. CIMB berhak untuk menahan sebarang manfaat di bawah perkhidmatan yang diberikan, dengan notis terlebih dahulu kepada Peserta Layak, sekiranya Peserta Layak didapati melanggar mana-mana Terma dan Syarat Pengguna CIMB.
17. Sebarang permintaan daripada Peserta Layak untuk memindahkan Ganjaran yang diberikan ke mana-mana akaun CIMB mereka yang lain, akaun di institusi kewangan lain, atau akaun pihak ketiga, menukarannya kepada wang tunai, mengantikannya dengan Ganjaran lain, atau menukarannya dengan sebarang alternatif dalam apa jua keadaan adalah tidak dibenarkan.

## Terma & Syarat Am

18. Peserta Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen, mereka:
  - a. adikehendaki membaca dan memahami Terma dan Syarat ini;
  - b. telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka dengan Terma dan Syarat ini; mengesahkan bahawa terma kontrak penting yang melibatkan obligasi mereka telah diterangkan dengan secukupnya kepada mereka;
  - c. bersetuju dengan pemprosesan dan penzahiran oleh CIMB berkenaan data peribadi mereka serta sebarang data perobadi mana-mana individu yang mungkin dikongsi oleh Peserta Layak dengan CIMB mengikut Notis Privasi Kumpulan CIMB pada pautan [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my);
  - d. bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara adil dan munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Kempen ini, adalah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
  - e. bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap Peserta Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana obligasinya dalam Terma dan Syarat ini yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung dengan:

- (i) kegagalan apa-apa peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
  - (ii) kegagalan elektrik;
  - (iii) pertikaian perindustrian, peperangan, mogok atau rusuhan;
  - (iv) apa-apa bencana alam di luar kawalan CIMB; atau
  - (v) apa-apa faktor di luar kawalan munasabah CIMB.
19. Peserta Layak akan dihilangkan kelayakannya untuk menyertai Kempen dan/atau hak penerimaan Hadiah Berkenaan akan dilucutkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum perkreditan/penghantaran Hadiah Berkenaan:
- a) Peserta Layak memungkiri Terma dan Syarat yang mengawal Produk Layak yang dilanggar;
  - b) CASA/-i atau Akaun DURIAN-i ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk pada apa-apa penahanan, perintah yang memudaratkan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan di sisi undang-undang; atau
  - c) CASA/-i atau Akaun DURIAN-i adalah tertunggak, tidak sah atau dibatalkan oleh Peserta Layak atau CIMB.
20. CIMB berhak menghilangkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang diputuskan oleh CIMB sebagai:
- a) mengganggu proses permohonan; dan/atau
  - b) bertindak memungkiri Terma dan Syarat ini.
21. CIMB berhak melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen dengan memberikan notis selama tujuh (7) hari kalender terlebih dahulu kepada Peserta Layak melalui:
- i. pengumuman pada laman sesawang CIMB; dan/atau
  - ii. notis di cawangan CIMB; dan/atau
  - iii. notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
  - iv. apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- Untuk mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak terhadap apa-apa kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak, sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada apa-apa pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen.
22. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak terhadap apa-apa kerugian, kos atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas) akibat daripada:
- i. penyertaan atau tanpa sertaan Peserta Layak dalam Kempen; dan/atau
  - ii. apa-apa Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) atau Mel Elektronik (eDM) yang tidak diterima atau diterima lewat oleh Peserta Layak,
- melainkan jika kerugian atau ganti rugi tersebut timbul daripada, dan disebabkan secara langsung oleh, kecuaian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
23. a. CIMB berhak mengubah, menambah, memotong atau meminda mana-mana Terma dan Syarat ini (“**Pindaan**”) dengan memberikan notis selama dua puluh satu (21) hari kalender terlebih dahulu kepada Peserta Layak melalui:
- a. pengumuman pada laman sesawang CIMB; dan/atau
  - b. notis di cawangan CIMB; dan/atau
  - c. notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
  - d. iklan dalam satu surat khabar pilihan CIMB; dan/atau
  - e. apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

- b. Pindaan hendaklah dianggap sebagai mengikat Peserta Layak dari tarikh seperti yang ditentukan oleh CIMB dalam pemberitahuan itu.
  - c. Jika perubahan itu dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana kaedah, peraturan, arahan, notis dan garis panduan (“**Peraturan**”), maka ia akan berkuat kuasa mengikut undang-undang dan Peraturan, dan CIMB akan memberitahu/memberikan notis kepada Peserta Layak tentang perubahan ini dengan seberapa segera yang mungkin.
  - d. Peserta Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang CIMB pada waktu selang yang tetap untuk melihat terma dan syarat Kempen dan untuk memastikan bahawa mereka mendapat maklumat kemas kini mengenai apa-apa perubahan kepada Terma dan Syarat ini.
24. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak terhadap apa-apa kerugian, kos atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung Pindaan.
25. Peserta Layak hendaklah menanggung rugi, dan memastikan bahawa CIMB terus ditanggung rugi, sepenuhnya terhadap sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat daripada:
- a. penyertaan Peserta Layak dalam Kempen; dan/atau
  - b. penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah Berkenaan oleh Peserta Layak; dan/atau
  - c. kemungkiran atau kegagalan Peserta Layak untuk mematuhi Terma dan Syarat ini
26. Terma dan Syarat ini:
- a. hendaklah mengatasi apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan
  - b. harus dibaca bersama dengan terma dan syarat semasa produk dan/atau perkhidmatan CIMB yang berkaitan dengan Kempen, yang hendaklah terpakai sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini.
27. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk pada, dan ditafsirkan mengikut, undang-undang Malaysia dan kaedah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan pengawalseliaan berkaitan lain yang padanya CIMB adalah tertakluk.
28. Jika CIMB tidak menggunakan sesuatu hak yang dipunyainya dalam Terma dan Syarat ini, perkara ini tidak menghalang CIMB daripada menggunakan hak itu atau mana-mana hak lain yang dipunyai oleh CIMB pada masa hadapan.
29. Peserta Layak hendaklah menujukan apa-apa pertanyaan, maklum balas, kebimbangan, isu atau aduan yang berkaitan dengan CASA kepada CIMB, dan CASA-i dan Akaun DURIAN-i kepada CIMB Islamic.
30. CIMB Islamic sebagai penyedia bagi semua CASA-i dan Akaun DURIAN-i yang dinyatakan dalam **Klausula 9d**.
31. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pemenang terhadap sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan akibat daripadanya) yang ditanggung, atau terhadap apa-apa kegagalan untuk menunaikan penghantaran Hadiah Berkenaan, sekiranya nombor telefon dan/atau alamat surat-menjurut Pemenang dalam rekod CIMB tidak terkini atau betul.
32. Peserta Layak boleh menghubungi Unit Penyelesaian Pelanggan (CRU) CIMB untuk apa-apa maklum balas dan/atau aduan berhubung dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon atau e-mel:
- |                    |   |
|--------------------|---|
| <b>Alamat</b>      | : CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad, Unit Penyelesaian Pelanggan (CRU), Peti Surat 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan |
| <b>No. Telefon</b> | : +603 6204 7788  |
| <b>E-mel</b>       | : <a href="mailto:contactus@cimb.com">contactus@cimb.com</a>  |

33. CIMB boleh mengubah maklumat perhubungan di atas dengan memberitahu Peserta Layak melalui pengumuman pada laman sesawang CIMB pada pautan [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my) atau melalui mana-mana cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.